

Banjir kilat di Pedas

WARTAWAN SINAR HARIAN
29 April 2015



PEDAS – Seorang mekanik terpaksa menanggung kerugian lebih RM10,000 apabila bengkelnya di Pekan Pedas, di sini, dinaiki air setinggi lebih setengah meter dan menenggelamkan kenderaan pelanggan, petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 petang itu, mekanik berkenaan, Fazaly Bahadin, 33, sempat menaikkan sebuah kereta jenis Proton Gen-2, manakala tiga buah kereta iaitu kereta Proton Satria, Proton Iswara dan Perodua Kancil ditenggelami air.

Menurut Fazaly, dia sudah memulakan operasi dengan menyewa lokasi berkenaan sejak lapan tahun lalu dan setiap kali hujan lebat, bengkelnya pasti dilanda banjir kilat.

"Setiap kali hujan lebat pasti akan banjir. Bagaimanapun kali ini ada sembilan buah kereta pelanggan. Air banjir kilat berlumpur naik paras lebih setengah meter.

"Hujan tak sampai sejam tetapi air dari Sungai Gaing yang melimpah menyebabkan dalam masa 10 minit sahaja bengkel ini sudah tenggelam," katanya kepada Sinar Harian.

Fazaly berkata, dia berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan dapat membersihkan sungai dengan lebih kerap bagi mengelakkan sampah-sarap dan pokok tumbang menyekat aliran air.

"Malah, jika perlu saya amat berharap agar pembetung di sungai ini dapat diperbesarkan bagi melancarkan alirannya dan mengelak kawasan bengkel tenggelam lagi.

"Dalam kejadian terbaru ini sahaja, banyak perkakasan serta alat ganti baru serta lama hanyut dan saya juga terpaksa membayar ganti rugi kepada pelanggan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Kampung Pedas Gaing, Norhalizan Kamaruzaman berkata, sejak banjir penghujung tahun lepas, JPS kini giat membersihkan sungai di kawasan berkenaan.

Menurutnya, JKKK sudah mengetengahkan permasalahan berkenaan dan cadangan bagi jangka masa panjang supaya pembetung dibesarkan bagi mengelak kejadian ini berulang kembali.